

Refleksi Kritis Yusuf Al-Qaradawi terhadap Ekstremisme dan Ekstremisme Agama

Yusuf al-Qaradawi's Critical Reflection on Religious Extremism

AHMAD MUNAWAR ISMAIL^{1*} & WAN KAMAL MUJANI²

¹Research Centre for Theology and Philosophy, Faculty of Islamic Studies, Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM), 43000 UKM Bangi, Selangor, Malaysia.

²Research Centre for Arabic Language and Islamic Civilization, Faculty of Islamic Studies, The National University of Malaysia, 43000 Bangi, Selangor, Malaysia.

*Corresponding Author; email: munawar@ukm.edu.my

Received: 9 December 2022 /Accepted: 8 February November 2023

ABSTRAK

Ekstremisme adalah isu yang berpanjangan. Ideologi ini apabila dikaitkan dengan agama, ia bukan sahaja berkisar tentang implikasi keganasan bahkan menjadi asas kepada pembentukan ajaran-ajaran sesat dan yang menyeleweng daripada aliran ahli Sunah Waljamaah. Untuk membanterasnya, pendekatan harus kolektif dan memerlukan kerjasama semua pihak. Konsep asas mengenainya harus benar, sahih dan meyakinkan. Ia mestilah datang daripada sumber dan struktur akademik yang lengkap, sistematik dan konsisten supaya kritikan dan refleksi terhadap ideologi ini dilihat tersusun, adil dan mudah difahami. Antara tokoh-tokoh besar Islam yang pernah menilai dan menulis secara sistematik tentang ideologi ini adalah Yusuf al-Qaradawi, seorang ulama Islam kelahiran Mesir yang menetap di Doha, Qatar. Beliau adalah salah seorang ulama Islam paling berpengaruh semasa hidupnya. Beliau juga dikenali sebagai seorang pemikir yang sederhana tetapi tegas. Pandangan-pandangan beliau tentang kesederhanaan telah banyak diulas, dipetik dan dicerakin oleh ulama Islam lainnya di seluruh dunia. Namun disebalik kederhanaan ini beliau juga dikenali sebagai seorang yang tegas dan memiliki pandangan yang keras dan konsisten terhadap ideologi ekstremisme dan ekstremisme agama. Justeru, makalah ini akan mengupas dan membahas pandangan, kritikan dan refleksi beliau terhadap ideologi ekstremisme dan ekstremisme agama. Tulisan ini adalah sebahagian daripada dapatan kajian mengenai Islam dan ekstremisme di Malaysia yang menggunakan pendekatan kualitatif dan kuantitatif sebagai metode pengumpulan data. Analisa kandungan yang sebahagian besarnya membabitkan bahan-bahan daripada tulisan beliau telah digunakan di samping temubual separa struktur yang digunakan untuk mendapatkan pandangan tokoh-tokoh agama, aktivis dan pihak berkuasa tempatan berkaitan hal ini. Analisa hasil kajian mendapati, Yusuf al-Qaradawi telah mengupas hal ini dalam banyak tulisan-tulisan beliau sama ada memberi refleksi secara khusus terhadap ideologi ini ataupun menyebut implikasi ideologi ini melalui tulisan-tulisan beliau dalam hal ehwal kehidupan secara umum. Pandangan-pandangan beliau juga menjadi teras pada kebanyakan tulisan tokoh-tokoh Islam lain apabila menulis dan bercakap mengenai ekstremisme dan ekstremisme agama.

Kata kunci: al-Qaradawi; Ekstremisme; Ekstremisms Agama; Ideologi; Ahli Sunah Waljamaah

ABSTRACT

Extremism is a long-standing issue. When this ideology is linked to religion, it not only revolves around the implications of violence but also becomes the basis for the formation of heretical and deviant teachings from the flow of Sunah Waljamaah members. To eradicate it, the approach should be collective and require the cooperation of all parties. The basic concept of it should be true, authentic and convincing. It must come from a complete, systematic and consistent source and academic structure so that criticism and reflection on this ideology is seen to be organized, fair and easy to understand. Among the great figures of Islam who have evaluated and written systematically about this ideology is Yusuf al-Qaradawi, a Muslim scholar born in Egypt who resides in Doha, Qatar. He was one of the most influential Islamic scholars during his lifetime. He is also known as a simple but firm thinker. His views on simplicity have been widely commented, quoted and dissected by other Islamic scholars around the world. But despite this modesty, he is also known

as a firm person who has a hard and consistent view on the ideology of extremism and religious extremism. Therefore, this paper will examine and discuss his views, criticisms and reflections on the ideology of extremism and religious extremism. This article is part of the findings of a study on Islam and extremism in Malaysia that uses a qualitative and quantitative approach as a data collection method. Content analysis which mostly involved materials from his writings was used in addition to semi-structured interviews which were used to get the views of religious figures, activists and local authorities related to this matter. Analysis of the results of the study found that Yusuf al-Qaradawi has covered this in many of his writings, either reflecting specifically on this ideology or mentioning the implications of this ideology through his writings in matters of life in general. His views are also central to most of the writings of other Islamic figures when writing and talking about extremism and religious extremism.

Keywords: *al-Qaradawi; Extremism; Religious Extremisms; Ideology; Ahli Sunnah Waljamaah*

PENDAHULUAN

Dalam sejarah Islam yang panjang, di semua bahagian-bahagian yang diduduki oleh orang-orang Islam di seluruh dunia, prinsip-prinsip kesederhanaan, keadilan, rahmah dan perpaduan sentiasa disuara dan ditegakkan oleh ramai tokoh-tokoh agama, pemimpin-pemimpin dan cendekiawan. Sesuai dengan saranan daripada firman-firman Allah SWT antaranya seperti yang terdapat dalam surah al-Hujurat ayat 13 yang bermaksud,

“...Wahai umat manusia! Sesungguhnya Kami telah menciptakan kamu dari lelaki dan perempuan dan Kami telah menjadikan kamu berbagai bangsa dan bersuku puak, supaya kamu berkenal-kenalan (dan beramah mesra antara satu dengan yang lain). Sesungguhnya semulia-mulia kamu di sisi Allah ialah orang yang lebih takwanya di antara kamu, (bukan yang lebih keturunan atau bangsanya). Sesungguhnya Allah Maha Mengetahui, lagi Maha Mendalam PengetahuanNya (akan keadaan dan amalan kamu)..."

Dan dalam surah Surah al-Anbiyaa, ayat 107, Allah berfirman yang bermaksud,

“...Dan tiadalah Kami mengutus kamu (wahai Muhammad), melainkan untuk (menjadi) rahmat bagi semesta alam...”

Dalam tafsir ayat yang berkaitan, diceritakan, seorang pemidato tersohor bani Quraisy yang bukan beragama Islam, Suhail bin Amr dalam satu peristiwa di mana ketika beliau (Suhail) menjadi tawanan orang Islam dalam Perang Badar. Umar Al-Khattab menghampiri Rasulullah dan berkata: “Wahai Rasulullah, biarkan saya mencabut gigi seri Suhail bin Amr supaya dia tidak dapat berpidato dan mencela dirimu lagi setelah ini”. Ketika ini Rasulullah SAW telah menggambarkan sifat rahmah dalam Islam dengan bersabda yang bermaksud: “Jangan wahai Umar, aku tidak akan merosakkan tubuh seseorang kerana nanti Allah akan merosakkan

tubuhku walaupun aku ini seorang nabi”. Kemudian Rasulullah SAW menarik Umar dan menghampirinya lalu bersabda: “Wahai Umar, mudah-mudahan esok pendirian Suhail akan berubah menjadi seperti yang kamu sukai”. Permohonan Rasulullah SAW itu menjadi kenyataan. Suhail bin Amr berubah menjadi seorang mukmin yang sangat taat dan kedua-dua matanya tidak pernah kering daripada air mata disebabkan takutnya kepada Allah SWT.

Namun disebalik banyak teori, pandangan dan tulisan berkaitan kesederhanaan, keadilan, rahmah dan perpaduan ini, wujud satu terma yang mewakili satu ideologi yang sifat dan amalannya sangat bertentangan dengan ajaran ahli Sunah Waljamaah, iaitu ekstremisme. Sejarah kewujudannya juga panjang dan ideologi ini wujud dalam perspektif yang pelbagai. Sebut sahaja tentang kerosakan sistem manusia dan kemanusiaan maka salah satu faktor yang merosakkannya adalah ideologi atau fahaman yang ekstrem dalam semua bentuk termasuk sosial, politik dan keagamaan. Dalam dunia moden berteknologi tinggi dan kaedah komunikasi yang merentas globalisasi, pergerakan dan perkembangan ideologi ini semakin sukar diramal dan dikenal pasti. Penyebarannya melalui pelbagai medium dan matlamatnya semakin mengelirukan. Kelihatan di suatu sudut bahagian dunia dimana satu kumpulan yang dilihat memperjuangkan ajaran agama namun perjuangan tersebut dikenal dengan pasti bahawa mereka menggunakan agama untuk kepentingan kumpulan dan peribadi mereka. Mereka bukan sahaja menyelewengkan ajaran-ajaran agama yang telah disepakati kebenarannya oleh ulama Ahli Sunah Waljamaah malah menidakkannya rasional dan kemanusiaan dengan melakukan pelbagai aktiviti dan tindakan yang diluar kebiasaan dan jauh dari norma-norma yang normal. Di sudut lain pula, kelihatan satu kumpulan yang diberi dengan pelbagai gelaran oleh Barat seperti ekstremisme, terrorisme, radikalisme,

fundamentalisme dan lain-lain gelaran yang buruk pada hal mereka adalah antara warganegara yang tertindas atau keadaan dimana negara atau negeri mereka dirampas dan tidak diberi hak yang sewajarnya. Mereka berjuang untuk mendapatkan hak mereka dan mengembalikan kedaulatan negara dan negeri mereka.

Kekeliruan menentukan matlamat, dan kekerapan mengulang gelaran ‘buruk’ kepada umat Islam yang sering dilakukan barat oleh umat Islam sendiri menyebabkan ideologi ini perlu difahamkan dan disusun secara berstruktur dan sistematik. Kajian, refleksi dan penulisan tentang ideologi yang jelas bertentangan dengan ajaran ahli Sunah Waljamaah perlu diperbanyakkan, diperhalusi dan diulas oleh lebih banyak tokoh-tokoh agama, pemimpin dan cendekiawan khususnya dalam kalangan negara-negara Islam. Dalam hal ini, Yusuf al-Qaradawi seolah meletakkan tanda aras kepada umat Islam di era ini bahawa beliau telah memulakan penelitian terhadap fahaman ekstrem dan memberi refleksi tentang ciri-ciri asas dan langkah-langkah umum bagi mengatasi dan membendung ajaran ini daripada terus merebak dan mengancam imej agama serta keselamatan negara.

REFLEKSI KRITIS

Refleksi adalah bayangan, gambaran dan cerminan pemikiran seseorang tentang sesuatu yang diperhatikan mengenai manusia, peristiwa, fenomena, alam sekitar atau yang seumpama dengannya. Ia memerlukan kemahiran khusus yang boleh diperoleh melalui pengetahuan, pengalaman dan penaakulan seseorang tentang agama, prosedur, nilai, hubungan sebab dan akibat dan kesejahteraan sosial. Kemahiran-kemahiran ini membolehkan seseorang itu mampu membuat keputusan yang rasional serta menghasilkan satu standard nilai yang tidak dipengaruhi oleh apa-apa kepentingan, emosi dan persekitaran. Kritis pula merujuk kepada menerima atau mempersetujui tentang sesuatu setelah menimbang semua kemungkinan termasuk baik buruk kepada seseorang atau kepada hubungan seseorang dengan seseorang yang lain. Justeru, refleksi kritis adalah tentang sintesis dan penaakulan seseorang secara sistematik dengan menggunakan semua kemahiran yang mereka ada untuk menghasilkan satu konsep dan rangkaian fakta yang mematuhi ciri-ciri sahih, standard dan boleh diyakini. Dalam hal yang berkaitan ekstremisme, tidak ramai cendekiawan Islam era ini yang mengupas dan menulis dan dirujuk kupasan dan tulisannya secara konsisten dan sistematik mengenai isu ini kecuali Dr. Yusuf al-Qaradawi.

RINGKAS TENTANG YUSUF AL-QARADAWI

Nama sebenar beliau adalah Yusuf bin Abdullah bin Ali bin Yusuf. Dilahirkan pada 9 September tahun 1926 di Desa Shafat al-Turab, Mahalla al-Kubra, Wilayah Gharbiah. Mesir. Beliau adalah lulusan bidang Usuluddin, Universiti al-Azhar, Kaherah, Mesir. Dikenali sebagai seorang yang bijak, prolifik dan tajam pemikirannya. Antara guru-guru beliau yang terkenal adalah Syeikh Hamid Abu Zuwall, Syeikh Ali Khalil, Syeikh Muhammad Mutawalli al-Syarawi, Syeikh Hasan al-Banna, Syeikh Muhammad al-Ghazali, Syeikh Sayyid Sabiq dan ramai lagi. Tokoh ilmuan dan terkemuka dalam sejarah Islam ini pernah menjawat beberapa jawatan penting sama ada di negara kelahirannya seperti Penyelia Institut Imam di Kementerian Wakaf dan penyelia Penerbitan dan Pentadbiran Am, Jabatan Kebudayaan Islam al-Azhar atau di luar negaranya seperti Dekan Fakulti Syariah dan Pengajian Islam, Universiti Qatar dan Presiden al-Ittihad al-Alami li al-Ulama al-Muslimin (Kesatuan Ulama Islam Sedunia). Beliau banyak menyampaikan dakwah dan membentangkan kertas kerja di peringkat Kebangsaan dan Antarabangsa. Beliau juga banyak menghasilkan karya-karya ilmiah yang bermutu tinggi dan menjadi rujukan ualam lain di seluruh dunia. Karya-karya beliau merangkumi pelbagai disiplin ilmu termasuk ilmu Tauhid, al-Quran dan Hadis, Fiqh dan Usul Fiqh, ekonomi Islam dan sastera. Antara karyanya yang terkenal adalah Fiqh Zakat, Fiqh Jihad, Fiqh Keutamaan, Fiqh Kenegaraan, Fiqh Kesederhanaan dan hal-haram dalam Islam. Sehingga kini, beliau masyhur sebagai pendongong kesederhanaan Islam dan pemikir Islam yang menggabungkan ketentuan syariah dan keperluan zaman sebagai metodologi penyebaran dakwah (IUMS 2023; Atriza Umar 2022; Zulkifli al-Bakri 2015).

METODE

Tulisan ini adalah sebahagian daripada hasil kajian yang menggunakan rekabentuk kajian kuantitaif dan kualitatif. Bagi dapatan yang dihursti pada makalah ini, metode yang digunakan untuk pengumpulan data adalah kaedah analisa kandungan. Langkah-langkah yang diambil dalam melakukan analisa kandungan adalah berasaskan kepada gabungan panduan dalam melakukan analisis kandungan seperti yang

dijelaskan oleh Stempel (1989), Prasad (2008) dan Roger & Joseph iaitu pertama, menentukan objektif dan persoalan kajian yang jelas. Dalam makalah ini bermaksud menganalisa refleksi Yusuf al-Qaradawi terhadap ekstremisme agama. Kedua, membangunkan kaedah komunikasi yang sesuai. Dalam makalah ini bermaksud, menghuraikan setiap satu komponen dan sub komponen yang berkaitan dengan konsep, teori refleksi dan ekstremisme agama. Ketiga, membangunkan kategori-kategori kandungan. Dalam makalah ini bermaksud mengkategorikan refleksi Yusuf al-Qaradawi berdasarkan konsep ekstremisme dan ekstremisme agama, ciri-ciri dan kaedah mengatasinya. Keempat, memuktamadkan unit-unit analisis iaitu dengan membandingan pandangan Yusuf al-Qaradawi dengan tokoh-tokoh terkemuka lain berkaitan ekstremisme dan ekstremisme agama.

DAPATAN KAJIAN DAN PERBINCANGAN

Yusuf al-Qaradawi adalah antara sarjana Islam yang terkemuka dan secara konsisten telah terlibat dalam memberi banyak pandangan, buah fikiran dan fatwa berkaitan isu-isu semasa yang melanda umat Islam. Pandangan dan pemikirannya adalah sederhana, mudah difahami dan banyak menyelesaikan masalah dan kekeliruan umat Islam. Antara isu penting semasa yang telah diselesaikan oleh beliau adalah isu ekstremisme dan ekstremisme agama. Penjelasan beliau sebahagian besarnya telah menjawab tuduhan dan propaganda Barat terhadap umat Islam yang boleh mengelirukan bukan sahaja dalam kalangan bukan Islam bahkan masyarakat Islam itu sendiri. Makalah ini akan menghuraikan satu persatu pandangan beliau mengikut komponen dan sub komponen yang telah dikenalpasti, iaitu ekstremisme dan ekstremisme agama, ciri-ciri, dan cara-cara mengatasinya.

Analogi yang paling tepat bagi menggambarkan makna, sifat dan aktiviti ideologi dan fahaman yang bertentangan dengan Ahli Sunah Waljamaah adalah ekstrem atau ghuluw. Analogi ini boleh dilihat pada keseluruhan konsep, sejarah, faktor-faktor kemunculan dan sifat-sifat golongan ini melalui pandangan-pandangan yang dikemukakan oleh Sarjana Islam dan Barat. Memahaminya dari sudut bahasa sahaja golongan ini boleh dilihat menyeleweng daripada maksud, prinsip dan ajaran Ahli Sunah Waljamaah. Dalam bahasa Malaysia umpamanya,

ekstrem bermaksud pandangan yang melampaui dan keterlaluan. Fahaman ini mempunyai persamaan makna dengan radikalisme, iaitu satu kepercayaan yang menginginkan perubahan mendadak dalam arena politik dan sosial. Seseorang itu dianggap sebagai ekstremis apabila mereka memegang satu bentuk pandangan politik atau agama yang bersifat fanatik dan melampaui seperti melakukan atau menyokong suatu tindakan yang ekstrem (Noresah 2007). Dalam bahasa Inggeris, ekstremisme merujuk kepada perwatakan yang lebih luas antaranya termasuklah sikap pelaku-pelaku politik dan agama yang melampaui batas dalam mempertahankan doktrin atau ideologi politik dan agama mereka (Elias Modern Dictionary, 1913). Ia juga disebut sebagai sebuah ideologi yang melampaui batasan rasional dan realiti kehidupan normal (Kartini et al. 2019). Dalam bahasa Arab, ekstrem bermaksud al-ghuluw (Ibn Faris 1979) iaitu berlebihan atau melampaui batas yang telah disyaratkan (Lisan al-Arab 1985) atau berlebih-lebihan di dalam perkara dan bersikap ekstrem padanya dengan melampaui batas yang telah disyaratkan (Ibn Hajar 1988). Ia juga dirujuk sebagai furtah atau al-ifrat yang bermaksud keterlaluan, melebihi had atau melampaui batas realiti, atau al-tatarruf iaitu berdiri di tepi ataupun jauh dari tengah atau berdiri di hujung atau pinggir atau lebih dikenali dalam Bahasa Arab moden sebagai radikal, ekstrem dan berlebihan. Al-tarf ini juga merupakan kata lawan bagi al-wasat bererti tengah dengan moderat yang memiliki makna baik dan terpuji (Ibn Hajar 1988) atau dan al-irhab, iaitu ketakutan dan kesusahan atau yang menunjukkan ketakutan atau merujuk kepada golongan tertentu yang membentuk gerakan secara tersusun untuk menyebarluaskan ketakutan bagi tujuan memberi kesan mendalam secara fizikal dan mental kepada golongan yang bertentangan dengan ideologi mereka (Al-Barudi, 2006) atau sekumpulan manusia yang menggunakan kekerasan untuk meraih tujuan politik mereka (Ibrahim, 1972). Dari sudut bahasa ini, ekstrem boleh kita rumuskan sebagai suatu yang sifatnya melampaui batas dan berlebih-lebihan daripada yang sepatutnya atau daripada yang diajar kepada kita oleh syariat. Dan dalam hal ini, Yusuf al-Qaradawi mendefinisikan idoleogi ini sebagai suatu yang berada jauh daripada titik tengah, terpencil dan terasing daripada ajaran agama yang sebenar (al-Qaradawi 1990). Jauh daripada titik tengah bermaksud terasing daripada norma normal manusia, jauh daripada keadilan, tidak seimbang antara akal dan wahyu dan terasing daripada realiti dan hak kemanusiaan. Ia adalah kelakuan tercela yang

didorong oleh hawa nafsu dan sikap individualistik (Anna Belen Soage 2008).

Daripada sudut istilah, sama ada ekstremisme atau ekstremisme agama, kebanyakan pengkaji yang mengkaji mengenai istilah ini telah memberikan beberapa pandangan dan perspektif yang berbeza. Sebagai contoh, kebanyakan pengkaji bersetuju bahawa tiada definisi khusus bagi istilah ekstremisme yang diterima secara kolektif (Akhmetova & Jaafar, 2020; Bötticher, 2017; Coleman & Andrea, 2015; Jackson, 2019; Kilp, 2011; Nozick, 1995; Schmid, 2014). Sebagaimana menurut Nozick (1995), tiada satu definisi berkaitan istilah ini dipersetujui secara global dan konotasinya bersifat subjektif iaitu berdasarkan pendapat dan istilah ini boleh dipersoalkan kerana kurangnya definisi yang jelas (Akhmetova & Jaafar, 2020; Jackson, 2019). Selain daripada kekurangan definisi jelas tentang istilah ini, ekstremisme juga adalah satu istilah kompleks untuk ditafsirkan. Coleman and Andrea (2015) menyatakan bahawa istilah ekstremisme adalah fenomena yang kompleks dan boleh ditafsirkan sebagai bentuk aktiviti. Satu definisi ekstremisme oleh Kartini Aboo Talib @ Khalid et al. (2019) bahawa istilah ini masih lagi dalam perdebatan secara kerangka kerja dan operasi dalam mendefinisikan perbuatan keganasan yang dilakukan oleh individu atau pun berkumpulan. Tambahan lagi, ekstremisme ditafsirkan sebagai satu ideologi yang menggambarkan satu keadaan yang berlaku secara keterlaluan atau fanatik. Tafsiran ini sama dengan kenyataan Pratt (2010), istilah ini membawakan fanatisisme iaitu dengan perlakuan ekstrem dalam perkara budaya atau pun keagamaan dengan pemahaman sendiri atau kebenaran sendiri. Selain itu, ekstremisme juga dikaitkan dengan ketidakpenerimaan sebarang perbezaan sama ada dalam sikap atau norma masyarakat (Wibisono et al., 2019). Dalam konteks sosial pula, Aldera et al. (2021) memberikan idea bahawa perbuatan pihak pelampau adalah bersamaan dengan perbuatan keganasan. Oleh itu, terdapat konsep hubung kait antara radikalisa yang membawa kepada keganasan dan dipanggil dengan istilah terrorism. Dalam konteks agama, fahaman ini boleh dilihat dalam dua keadaan, pertama akidah seperti keyakinan orang-orang Nasrani dalam aspek Triniti yang menjadikan Nabi Isa AS Tuhan, atau meninggikan kedudukan Saidina Ali berbanding Abu Bakar RA, Umar al-Khattab RA, dan Uthman bin Affan RA sebagaimana yang diyakini pengikut Syiah Rafidaah; dan kedua, ekstrem dalam syariah seperti mempraktikkan hukum tertentu bukan dengan cara yang adil dan tidak melalui jalan yang dibenarkan,

atau melampau dalam mempraktikkan amalan-amalan ibadah seperti berpuasa dalam tempoh yang panjang atau tanpa berbuka, menjaga kemaluhan sehingga tidak dibolehkan berkahwin atau yang seumpama dengannya dan (Sihabuddin Afroni 2016). Selain itu, ekstremisme agama juga dilihat gemar meletak label tertentu kepada individu atau sesuatu kumpulan dan menggunakan keganasan untuk memaksa kepercayaan, ideologi atau nilai-nilai moral mereka diterima oleh orang lain. Golongan ekstremis agama juga dapat dilihat dalam agama Hindu, Yahudi dan Kristian. Golongan ini kebiasaannya tidak berpegang kepada rasional (akal), sebab dan logik, tetapi berpegang kepada kepatuhan terhadap asas-asas atau undang-undang agama yang dianutnya (Baqai 2011). Ekstremisme agama bukan sahaja berakar dari salah faham tentang agama bahkan mempunyai pengaruh daripada sejarah, ketidakstabilan politik, penjajahan dan penindasan (Ismail, A. M et al. 2021). Walaupun definisinya dilihat tidak disepakati namun pengkaji-pengkaji sepakat mengatakan bahawa ideologi ini mempunyai pengaruh yang kuat dalam pembentukan fahaman yang ganas atau berkaitan keganasan.

Dalam hal ini al-Qaradawi telah memberi pandangan yang lebih khusus. Apa yang kita boleh fahami daripada pemikiran beliau ialah, ekstremisme atau ekstremisme agama adalah fahaman yang merangkumi pemikiran, tindakan, sikap dan kedudukan yang bertentangan sama sekali dengan konsep, prinsip dan ajaran Ahli Sunah Wal Jamaah. Bertentangan dengan maksud menyeleweng daripada semua sudut termasuk akidah, perundangan, akhlak dan cara berfikir. Ideologi ini hakikatnya adalah lemah tetapi liar. Bagi al-Qaradawi, pertentangan ini didorong oleh rasa angkuh sehingga semua pemikiran, sikap dan tindakan mereka melampaui batas. Keangkuhan ini jelas boleh dilihat melalui prinsip yang mereka pegang dan tindak tanduk mereka semasa memperjuang dan mempertahankan ideologi mereka. Di antara ciri-ciri utama golongan ini adalah kasar, keras dan gemar meletakkan label-label tertentu kepada mereka yang tidak bersetuju dengan ideologi mereka. Jelasnya, mereka tidak memahami al-Quran dan Sunnah dengan jelas dan sahih. Tindakan-tindakan mereka memberi implikasi yang buruk kepada imej agama Islam. Menurut beliau lagi, lawan kepada ideologi ini adalah al-Wasatiyyah, iaitu kesederhanaan dan keseimbangan daripada semua aspek termasuk spiritual, ideal, material, perasaan, emosi dan peribadi. Sifat ini akan membentuk sistem kemanusiaan yang sempurna, terbuka dan bertoleransi selari dengan fitrah dan tujuan manusia dihidupkan

(al-Qardhawi 1990; al-Qaradawi 2003; al-Qaradawi 2015). Firman Allah SWT dalam surah al-Maidah Ayat 48 yang bermaksud,

“...Dan Kami telah menurunkan kitab (Al Qur'an) kepadamu (Muhammad) dengan membawa kebenaran, yang membenarkan kitab-kitab yang diturunkan sebelumnya dan menjaganya; maka putuskanlah perkara mereka menurut apa yang diturunkan Allah dan janganlah kamu mengikuti keinginan mereka dengan meninggalkan kebenaran yang telah datang kepadamu. Untuk setiap umat di antara kamu; Kami berikan aturan dan jalan yang terang; Kalau Allah menghendaki, niscaya kamu dijadikan-Nya satu umat (saja), tetapi Allah hendak menguji kamu terhadap karunia yang telah diberikan-Nya kepadamu; maka berlumbal-baluh berbuat kebajikan; Hanya kepada Allah kamu semua kembali; lalu diberitahukan-Nya kepadamu terhadap apa yang dahulu kamu perselisihkan...”.

Pandangan al-Qaradawi dalam hal ini banyak membantu penyelidik-penyalidik Islam dalam memulakan kajian berkaitan ekstremisme dalam agama Islam. Di Malaysia, pemikiran beliau tentang konsep asas ekstremisme dan ekstremisme agama telah membantu membentuk definisi standard kepada kedua-dua istilah. Ekstremisme dalam konteks Malaysia setelah disesuaikan dengan kepelbagaiannya pendapat mengenai istilah ini adalah merujuk kepada ideologi atau fahaman yang keterlaluan, asing dan terpencil dalam apa-apa aspek kehidupan termasuklah bertentangan dengan undang-undang negara; memaksa seseorang yang lain mengikuti ideologi atau fahaman pihak pelampau; dan jika tidak dikawal pergerakannya akan membahayakan keselamatan individu lain dan negara. Manakala ekstremisme agama adalah merujuk kepada ideologi atau fahaman yang salah tentang agama (bertentangan dengan ahli Sunah Waljamaah); yang telah difatwa, diwarta dan dititahkan oleh Raja-Raja Melayu; yang membawa kepada pemikiran ekstrem; keterlaluan dalam perkara berkaitan akidah, syariah dan akhlak; sehingga membawa kepada perbuatan membahayakan keselamatan individu lain dan negara.

Natijah daripada semua pandangan di atas dan mengambil kira semua pandangan termasuk Islam dan barat, satu kesimpulan yang jelas berkaitan ekstremisme dan ekstremisme agama adalah satu konsep fahaman ini merujuk kepada satu aliran pemikiran, ideologi, sikap dan tindakan yang melampaui batas, yang bertentangan dengan ajaran agama, menyalahi nilai-nilai moral yang standard dan prinsip-prinsip akhlak yang dianjurkan melalui al-Quran dan al-Sunnah. Walaupun sering dikaitkan dengan agama dan politik namun skop dan ruang lingkupnya lebih luas merangkumi ideologi yang tidak berkaitan dengan keduanya seperti persekitaran,

sosial, perkauman dan sebagainya. Ideologi ini memiliki sifat, ciri-ciri dan perwatakan yang tersendiri yang boleh dilihat melalui beberapa perspektif pandangan termasuk daripada Yusuf al-Qaradawi. Zulkifli al-Bakri (2015) telah meringkaskan sifat, ciri-ciri dan perwatakan ekstremis untuk lebih mudah dikenali. Menurut beliau, sifat utama kumpulan ini adalah pelampau dan taasub. Mereka lazimnya cepat bertindak balas, bergopoh gapah, cepatnya emosi, cepat mempercayai apa yang didengar, mudah berpuas hati dan mengikut apa yang disuruh. Bagi Ahmad Zahid (2016), golongan ekstremis agama memiliki sikap gemar mentafsirkan perundangan syariah tanpa pengiktirafan maqasid, konteks sejarah dan realiti semasa. Untuk mengenali mereka, kita boleh lihat keadaan vokal mereka yang mahu meliberalisasi dan mengubah Islam dan syariah Islam, yang didasari daripada pandangan falsafah moden dan sekular yang melampau dan ekstrem. Mereka juga mudah dilihat mengenepikan pandangan hidup Islam yang tradisional dan meminggirkan pemikiran yang berasaskan ilmu dan hikmah. Pandangan Ahmad Zahid ini selari dengan apa yang dikemukakan oleh Ismail, A. M dan Stapa, Z. (2019) mengenai kaitan golongan ini dengan pemikiran sekuler dan liberal. Falsafah dan pemikiran liberal secara *explicit* dan *implicit* telah masuk ke dalam pemikiran masyarakat Islam yang menyebabkan timbulnya ketidak harmonian dalam beragama. Kumpulan ini dilihat memaksa penerapan nilai-nilai sekuler-liberal kepada masyarakat secara vokal dan terbuka. Kanade (2016) seorang pengkaji ekstremisme Barat menyatakan, ekstremis agama sering memiliki ciri-ciri gabungan antara politik dan agama. Kumpulan ini menggunakan istilah jihad dalam konteks yang tertentu sehingga membawa kepada keganasan, perperangan dan penaklukan. Pernyataan yang dikemukakan Nikhil menunjukkan golongan ekstremisme menyalahgunakan nama Islam khususnya konsep Jihad untuk menyebarkan ideologi berbaur perpecahan dalam agama demi menghalalkan perancangan dan perbuatan golongan (Ismail, A. M et al. 2021) Ismail, A. M dan Kamaruddin, S. M (2020) pula berpendapat, secara umum, sifat ekstremis ini terbahagi kepada dua, iaitu sifat umum dan sifat khusus. Bagi sifat umum, ekstremis ini lazimnya cetek ilmu pengetahuan, menggunakan idea-idea agama untuk kepentingan peribadi, selalu beramal dengan nas secara literal, fanatik dengan pandangan kumpulannya dan mengkafirkan kepada sesiapa yang berbeza pandangan. Sifat khusus pula bergantung kepada suasana geopolitik setempat dan semasa. Sikap ekstrem dan radikal mereka ini mungkin juga

dipengaruhi oleh pelbagai faktor seperti penindasan, tuntutan autonomi wilayah atau ketidak adilan pepimpin dalam memenuhi hak-hak mereka sebagai warganegara. Mohd Roslan (2022), ciri-ciri ekstremis boleh dilihat melalui beberapa sikap seperti berikut;

1. Tidak boleh bertolak ansur dalam menerima pendapat.
2. Prejudis terhadap orang lain.
3. Memaksa orang lain menerima dan mengikut pendapat mereka.
4. Berlebih-lebihan dalam beragama yang tidak kena pada keadaan.
5. Menonjolkan sikap keras dan kasar terhadap orang lain.

Daripada semua pandangan berkaitan sifat, karakter dan ciri-ciri ekstremis ini, kita boleh lihat sebahagian besarnya datang dan selari dengan pandangan yang pernah dikemukakan oleh Al-Qaradawi dalam karyanya *Islamic Awakening Between Rejection and Extremism* yang antaranya telah menyenaraikan sekurang-kurangnya enam katakter asas bagi mengenali karakter ekstremis, iaitu (Wan Kamal Mujani et al. 2020),

1. Fanatik kepada satu pendapat.
2. Tidak mengakui pandangan lain (mengiktiraf pandangan yang berbeza).
3. Pandangan dan perbuatannya tidak mengambil kira kepentingan (maslahah) manusia.
4. Pandangan dan tindakannya tidak disesuaikan dengan realiti semasa.
5. Hujah-hujahnya tidak berasaskan padangan dan tujuan syarak yang betul dan disepakati.
6. Tidak berlapang dada untuk mengadakan perbincangan dengan orang lain untuk mencari dan mengambil pendapat yang lebih kuat dalil dan alasannya.
7. Mewajibkan orang lain dengan sesuatu yang tidak diwajibkan oleh Allah.
8. Mengambil sikap keras dengan menolak sifat kelapangan dan keringanan.
9. Bersikap kasar pada bukan tempat dan masanya.
10. Mengabaikan perkara teras iaitu membetulkan akidah sebaliknya bersikap keras pada masalah-masalah cabang (furuk') dan perkara yang diperselisihkan (khilafiyah).
11. Kasar dalam pergaulan, kesat dalam tutur kata dan keras dalam penyampaian dakwah.
12. Prasangka buruk pada orang lain dengan membuat tuduhan tidak berasas.

13. Menyembunyikan kebaikan-kebaikan orang lain dan pada waktu yang sama membesar-besarkan kesalahannya.
14. Mengkufurkan orang lain dengan cara sewenang-wenangnya termasuk di dalamnya mengkafirkhan setiap orang yang melakukan dosa besar, mengkafirkhan orang yang tidak menerima fikiran mereka dan mengkafirkhan orang yang tidak berbaiah dalam jemaah mereka.
15. Menghalalkan darah dan harta bendanya.

Jelasnya, apa yang boleh kita fahami daripada refleksi beliau ini adalah, beliau ingin menyatakan bahawa hakikat dan fenomena ekstremisme ini adalah satu bentuk jenayah kejam terhadap semua manusia tanpa mengira agama, bangsa, tamadun dan negara. Ia memberi impak buruk kepada masyarakat dunia walaupun sering dikaitkan dengan umat Islam. Oleh sebab fahaman ekstremisme ini merentas agama, ideologi, kaum dan tamadun maka satu pendekatan yang holistik dan praktikal perlu diperhalusi bagi menangani dan mengekang kegiatan-kegiatan yang bertentangan dengan norma-norma kemanusiaan, nilai-nilai peradaban dan agama-agama dunia. Antara cadangan yang dikemukakan beliau adalah menekuni dan beramal dengan prinsip-prinsip Wasatiyyah, iaitu satu pendekatan yang sifatnya adalah pengimbang kepada penghasilan hasil pemikiran yang menepati semua asas dan hujah hukum sama ada syariat atau pun kemanusiaan. Petikan daripada Anna (2008) di bawah lebih jelas dalam menggambarkan maksud al-Qaradawi dalam hal ini,

“...Wasatiya is the [right] balance between mind and revelation, between matter and spirit, between rights and duties, between individualism and collectivism, between inspiration and obligation, between the text [al-Quran & al-Sunnah] and personal interpretation [ijtihad], between the ideal and reality, between the permanent and the transient, between relying on the past and looking forward to the future...”.

Wasatiyyah walaupun lazimnya disebut sebagai moderasi atau sederhana tetapi implementasinya tidak semudah yang didengar atau yang ditulis. Ia memerlukan pengetahuan yang betul dan cukup untuk memahaminya sehingga jika berlaku salah faham mengenainya kita juga berkemungkinan akan terjerumus dalam fahaman yang ekstrem. Wasatiyyah ini juga mestilah dilihat memiliki beberapa kategori dan merujuk kepada beberapa darjah. Kemungkinan di antara satu kelompok manusia dengan kelompok manusia yang lain, atau di antara satu negara dengan negara yang lain, atau di antara satu bangsa dengan

bangsa yang lain terma rujukan wasatiyyahnya adalah berbeza. Namun demikian, kayu ukurnya mestilah sama iaitu Islam, prinsip asasnya tidak boleh berbeza iaitu ketuhanan yang Maha Esa dan keyakinan yang tidak berbelah bagi bahawa Nabi Muhammad SAW itu adalah Nabi dan Rasul yang membawa syariat, petunjuk dan ajaran yang membawa manusia ke jalan benar dan diredhai Allah SWT. Kefahaman wasatiyyah seperti ini akan menghasilkan pemikiran manusia yang bebas emosi dalam menanggapi satu hal khususnya yang berkaitan keagamaan. Sekaligus, hukuman betul atau salah, benar atau tidak, baik atau jahat akan diadili dengan lebih seimbang, adil dan baik berdasarkan asas-asas agama yang difahami daripada sumber-sumber yang jelas dan meyakinkan. Bagi al-Qaradawi, inilah kemurnian ajaran Islam dan pokok pangkal dakwah Rasulullah SAW. Keseimbangan dalam semua tindakan dan aktiviti ini akan menyempurnakan jati diri muslim sekaligus menjadi contoh kepada masyarakat bukan Islam untuk sama tertarik dengan ajaran dan dakwah Islam. Selari dengan firman Allah SWT dalam surah al-Baqarah ayat 143 yang bermaksud,

“... Dan demikianlah (sebagaimana Kami telah memimpin kamu ke jalannya lurus), Kami jadikan kamu (wahai umat Muhammad) satu umat yang pilihan lagi adil, supaya kamu layak menjadi orang yang memberi keterangan kepada umat manusia (tentang yang benar dan yang salah) dan Rasulullah (Muhammad) pula akan menjadi orang yang menerangkan kebenaran perbuatan kamu. (Sebenarnya kiblat kamu ialah Kaabah) dan tiadalah Kami jadikan kiblat yang engkau mengadapnya dahulu itu (wahai Muhammad), melainkan untuk menjadi ujian bagi melahirkan pengetahuan Kami tentang siapakah yang benar-benar mengikut Rasul serta membenarkannya dan siapa pula yang berpaling tadih (berbalik kepada kekufurannya) dan sesungguhnya (soal peralihan arah kiblat) itu adalah amat berat (untuk diterima) kecuali kepada orang-orang yang telah diberikan Allah petunjuk hidayah dan Allah tidak akan menghilangkan (bukti) iman kamu. Sesungguhnya Allah Amat melimpah belas kasihan dan rahmatNya kepada orang-orang (yang beriman) ...”

Banyak pentafsiran tentang makna perkataan pertengahan (*al-wasat*) dalam ayat ini. Sebahagian pentafsir berpendapat, terma ini merujuk kepada prinsip asas syariat Islam, iaitu keanjalan umatnya untuk berada di tengah-tengah antara dua perkara yang terlampau, sama ada terlampau ketat ataupun terlampau longgar. Keanjalan ini juga menjadikan umat Islam mampu menyesuaikan kepentingan peribadi dan keperluan masyarakat. Tidak terlalu melebihkan diri sendiri sehingga melupakan masyarakat dan tidak juga melebihkan masyarakat sampai melupakan kepentingan individu. Keanjalan ini berlaku seimbang dan adil mengikut tahap

pengetahuan dan persekitaran di mana seseorang itu berada. Kerana itulah ada ibadat dalam Islam yang melibatkan peribadi (seperti salat sunat bersendirian) dan dalam masyarakat (seperti salat berjemaah). Dan ada ibadat yang menggabungkan kedua-duanya seperti ibadat Haji, ibadat persendirian (buat sendiri-sendiri) tetapi dilakukan beramai-ramai. Kita hidup bermasyarakat, jadi tidak boleh kepentingan peribadi kita sampai menyakiti orang lain. “umat pertengahan” ini juga merujuk kepada maksud pertengahan antara intelektual dan spiritual. Islam mengambil berat kedua-duanya intelektual dan spiritual. Intelektual dan spiritual dalam Islam dipertimbangkan dengan adil untuk dilaksanakan secara seimbang dengan keupayaan manusia yang relatif. Oleh sebab itu pertengahan (*al-wasat*) dalam ayat ini bermaksud pilihan yang terbaik dengan maksud Allah SWT menjadikan umat ini (umat Nabi Muhammad SAW) sebagai umat yang terbaik di antara manusia dan mengkhususkannya dengan syariat-syariat yang paling sempurna dan tuntunan-tuntunan yang paling lurus serta jalan-jalan yang paling jelas (al-Sobbuni 2015)

Menurut Sayyid Qutb (1992), *al-wasat* dalam ayat ini merujuk kepada pengiktirafan Allah kepada Umat Islam sebagai umat yang adil yang menjadi saksi terhadap seluruh umat manusia dan menegakkan keadilan di antara mereka, menetapkan neraca-neraca pertimbangan dan nilai-nilai, memberi fikiran dan pandangan yang muktamad kepada mereka, menimbangkan nilai-nilai, pemikiran-pemikiran, kefahaman-kefahaman mereka, adat-adat resam dan lambang-lambang mereka dan memberi keputusan-keputusan kepada mereka dengan mengatakan ini benar dan itu tidak benar, bukannya fikiran-fikiran, nilai-nilai, neraca-neraca dan ukuran-ukuran yang diterima dari manusia. Mereka adalah satu umat yang adil dari pelbagai sudut termasuk segi zaman dan tempat kelahiran (pusat bumi); kefahaman dan kepercayaan; pemikiran dan perasaan; penyusunan dan penyelaras dan lain-lain lagi.

Di antara amalan *wasatiyyah* yang diajarkan oleh Allah SWT kepada kita antaranya termasuklah amalan yang dianjurkan kepada kita ketika berdoa kepada Allah SWT iaitu dengan cara tidak meninggikan suara atau merendahkan sehingga menjadi amat perlahan. Itu lah sebaik-baik adab. Rirman Allah SWT dam surah al-Isra’ ayat 110 yang bermaksud,

“...Katakanlah (wahai Muhammad): “Serulah nama ‘Allah’ atau nama ‘Ar-Rahman’, yang mana sahaja kamu serukan (dari kedua-dua nama itu adalah baik belaka); kerana Allah mempunyai banyak nama-nama yang baik serta mulia”. Dan

janganlah engkau nyaringkan bacaan doa atau sembahyangmu, juga janganlah engkau perlahankannya, dan gunakanlah sahaja satu cara yang sederhana antara itu..."

Sifat dan karakter al-wasatiyyah yang unik dan tersendiri dan yang boleh kita saksi dan rasakan melalui banyak penjelasan, huraian dan contoh daripada ayat-ayat al-Quran dan hadis telah mendorong Yusuf al-Qaradawi meletakkan prinsip ini dalam sebahagian besar penulisan dan metodologi dakwahnya. Baginya, pengetahuan dan kefahaman yang baik tentang wasatiyyah bukan sahaja boleh membanteras fahaman ekstrem bahkan berupaya menyusun pemikiran manusia supaya bersikap tenang, sederhana dan rasional meskipun di dalam keadaan di mana nafsu dan emosi cuba menguasai. Demikian benarlah Sabda Rasulullah SAW yang diriwayatkan oleh al-Baihaqi dalam Sunannya (6319) dan dalam Syu'ab al-Iman (3888) yang bermaksud, "Sebaik-baik perkara itu ialah pertengahannya".

KESIMPULAN

Secara keseluruhan, kita boleh lihat dengan jelas refleksi Syeikh Dr. Yusuf al-Qaradawi terhadap ekstremisme dan ekstremisme agama telah dibuat secara sistematik. Dalam penulisan-penulisan beliau persoalan ekstremisme dan ekstremisme agama ini di kritik di peringkat usul iaitu dengan mengemukakan definisi istilah yang lengkap dan selari serta menjadi asas kepada penyelidik-penyelidik Islam untuk merujuk dan menjadikannya asas sebelum kajian-kajian yang lebih mendalam mengenai fahaman ini dibuat. Al-Qaradawi meneruskan penerangannya dengan menggariskan konsep, ciri-ciri dan prinsip-prinsip asas ekstremisme dan ekstremisme agama dengan menghasilkan indikator khusus mengenai watak penganut fahaman ini. Indikator ini penting untuk memudahkan semua pihak termasuk ahli akademik, pemerintah, pihak berkuasa dan sesiapa sahaja untuk mengenal pasti kumpulan ini sebelum sebarang tindakan pengawasan boleh dibuat dan dilaksanakan. Al-Qaradawi sekali lagi menggariskan panduan penting mengenai langkah-langkah yang perlu diteliti, difahami dan diambil bagi menyelesaikan isu ekstremisme ini dipelbagai peringkat. Prinsip asas yang dikemukakannya adalah al-Wasatiyyah. Meskipun teman ini telah diulas oleh sekian ramai ulama dan cendikiawan Islam, namun ketetapan masa, zaman dan persekitaran menyebabkan generasi zaman ini mudah tertarik dengan kronologi penjelasan al-Qaradawi apatah lagi pendekatan beliau yang

sederhana dan kesederhanaan ini menjadi faktor karya-karya beliau telah diterjemah kedalam banyak bahasa besar di dunia. Pemikirannya tersebar, saranannya menjadi rujukan kepada umat Islam, dan sesungguhnya sumbangannya kepada dunia ilmu Islam tidak terhitung banyaknya. Umat Islam sangat berterima kasih kepada beliau dan sangat merasai kehilangan beliau apabila ulama tersohor dunia kelahiran Mesir, Prof. Dr. Yusuf al-Qaradawi ini menghembuskan nafas terakhir hari ini pada usia 96 tahun pada 26 September 2022.

PENGHARGAAN

Artikel ini merupakan sebahagian daripada hasil kajian projek penyelidikan yang dijalankan melalui peruntukan geran penyelidikan Universiti Kebangsaan Malaysia DCP-2017-009/3.

SUMBANGAN PENGARANG

Konsep, ulasan literatur dan metodologi, Ahmad Munawar Ismail; peyemak dan penyunting Wan Kamal Mujani.

RUJUKAN

- Ahmad Zahid Hamidi. 2016. Pengislahan Radikalisme dan Ekstremisme. Putrajaya: Kementerian Dalam Negeri (KDN). <https://www.moha.gov.my/.my/index.php/ms/archieve/324-arkib-koleksi-ucapan/2989>
- Anna Belen Soage. 2018. Shaykh Yusuf al-Qaradawi: Portrait of a leading Islamic cleric. *Jurnal Middle East Review of International Affairs (MERIA)*, Vol. 12 No. 1 (March 2008), p.58.
- Akhmetova, E., Aminudin, R., Ahmad, N., Syed Sheikh, S. S., & M. Jaafar, I. 2021. A Framework of Good Governance in Regulating Religious Extremism in Malaysia. *Intellectual Discourse* 29(2): 283–312. <https://journals.iium.edu.my/intdiscourse/> index.
- Akhmetova, E., & Jaafar, M. I. 2020. Religious extremism and radicalisation of Muslims in Malaysia: The Malay ties with the Mujahidin, Al Qaeda and Isis. *Journal of Nusantara Studies (JONUS)* 5(1): 104–123. <https://doi.org/10.24200/jonus>.
- Atriza Umar. 2022. Dr. Yusuf al-Qaradawi: Perginya Ilmuan Agung Dunia Islam Antarabangsa. <https://ikram.org.my>.
- Baqai, Huma. 2011. Extremism and fundamentalism: Linkages to terrorism Pakistan's perspective. *International Journal of Humanities and Social Science* 1(6): 242-248.
- Bötticher, A. 2017. Towards academic consensus definitions of radicalism and extremism. *Perspectives on Terrorism* 11(4).
- Coleman, P. T., & Andrea, B. 2015. Addressing Extremism. The International Center for Cooperation and Conflict Resolution (ICCCR). <https://libertyunderattack.com/>

- wp-content/uploads/2015/06/Addressing- Extremism-ICCCR-ICAR.pdf.
- Galeotti, G. 2014. At the outskirts of the constitution. In Political Extremism and Rationality. <https://doi.org/10.1017/cbo9780511550478.008>
- International Union of Muslim Scholars (IUMS). 2023. Founding Chairman, President, Dr. Youssef Qaradawi. <https://iumsonline.org/en/president.aspx>
- Ibn Kathir, Abu al-Fida' Ismail ibn Kathir al-Qurshi al-Dimasyq. t.t. *Tafsir al-Quran al-Azim*. Al-Qaherah: Dar al-Turath.
- Ismail, A. M., Mahmood, A. M., & Mohd Kashim, M. I. A. 2021. Mengenal pasti perwatakan ekstremis melalui disiplin fiqh taayush. *ISLĀMIYYĀT* 43(1): 121–134.
- Ismail, A. M., & Kamaruddin, S. M. 2020. Reaksi masyarakat Islam di Malaysia terhadap ekstremisme. *Islamiyyat* 42(1): 103–112.
- Ismail, A. M., & Stapa, Z. 2019. Liberalisme dan pemikiran pemimpin Muslim di Malaysia. *Islamiyyat* 41(2).
- Jackson, S. 2019. Non-normative political extremism: Reclaiming a concept's analytical utility. *Terrorism and Political Violence* 31(2): 244–259.
- Kanade, Nikhil. 2016. Tracing Islamic Extremist Ideologies: The Historical Journey of Jihad from The Late Antique Period to the 21st Century. Unpublished Senior Thesis. California LA: Claremont Colleges.
- Kartini Aboo Talib @ Khalid Abd. Gapar, M. H., & Ismail, A. M. 2019. Extremism: The meaning and context of violence. *Jebat: Malaysian Journal of History, Politics & Strategic Studies* 46(2): 150–177.
- Kilp, A. 2011. The Ontology and Epistemology of Extremism. ENDC Proceedings, 14.
- Mohd Roslan Mohd Nor, Misnal Munir, Moses Glorino Rumambo Pandin & Muhammad Khalis Ibrahim. 2022. Penglibatan rakyat Malaysia dalam ekstremisme agama dan langkah-langkah deradikalasi. *Journal Research in Islamic Studies* 9 (1): 31-46.
- Nozick, R. .1995. Socratic Puzzles. *Phronesis*, 40(2). A Journal for Ancient Philosophy. <https://doi.org/10.1163/156852895321051928>
- Pratt, D. 2010. Religion and terrorism: Christian fundamentalism and extremism. *Terrorism and Political Violence* 22(3): 438–456. <https://doi.org/10.1080/09546551003689399>
- Al-Qaradawi, Yusuf. 1990. *Islamic Awakening Between Rejection & Extremism*. Herndon: American Trust Publication & The International Institute of Islamic Thought.
- Al-Qaradawi, Yusuf. 2015. *Nahwa Wahdah Fikriyyah Lil Amilin lil Islam*. Terj. Faudiridza Talib, Dzulfawati Hassan. Bandar Baru Bangi, Selangor: Syabab Book Link.
- Al-Qaradawi, Yusuf. 1996. *Malamih al-Mujtama al-Muslim Alladhi Nunshiduh*. Beirut: Muassassat al-Risala.
- Sayyid Qutb. 1992. *Fi Zilal al-Quran-In the shade of the Quran*. Translated and edited by M. Adil Salahi. New Delhi: Idara Ishaat E. Diniyat (P) Ltd.
- Sayyid Qutb. 1990. *Fi Zilal al-Quran*. Al-Qaherah: Dar al-Syuruq.
- Schmid, A. 2014. Violent and Non-Violent Extremism: Two Sides of the Same Coin? Terrorism and Counter-Terrorism Studies. <https://doi.org/10.19165/2014.1.05>
- Sihabuddin Afroni. 2016. Makna ghuluw dalam Islam: Benih ekstremisme beragama. *Jurnal Ilmiah Agama dan Sosial Budaya* 1(1): 70-85.
- al-Sobbuni, Muhammad Ali. 1981. *Mukhtasar Tafsir Ibn Kathir*. 1981. Bayrut: Dar al-Quran al-Karim.
- Wan Kamal Mujani, Ahmad Munawar Ismail & Nurfidaiy Salahuddin. The threat of radical thinking and extremism in the Nusantara (Malay Archipelago). *Islamiyyat* 42(1), 85–92.
- Wibisono, S., Louis, W. R., & Jetten, J. 2019. A multidimensional analysis of religious extremism. *Frontiers in Psychology* 10. <https://doi.org/10.3389/fpsyg.2019.02560>
- Zulkifli al-Bakri. 2015. Syeikh Dr. Yusuf al-Qardhawi: Siapakah beliau? Bayan Linnas Siri 6. Wilayah Persekutuan: Pejabat Mufti Wilayah.